



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

**PENAMATAN KAWALAN HARGA DAN SUBSIDI AYAM OLEH YB
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)**

KUALA LUMPUR, 30 OKTOBER 2023 – Selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa, Kerajaan telah **bersetuju agar subsidi dan kawalan harga bagi ayam sahaja** yang akan ditamatkan sepenuhnya bermula **pada 1 November 2023**. **Subsidi serta kawalan harga bagi telur ayam gred A,B dan C akan diteruskan menggunakan mekanisme sedia ada.**

Sejak Februari 2022, Kerajaan menanggung RM3.8 bilion untuk subsidi telur dan ayam. Rasional penamatan subsidi secara pukal bagi ayam adalah untuk mengurangkan ketirisan subsidi di mana pada ketika ini yang turut dinikmati oleh warga asing dan golongan berpendapatan tinggi. Penamatan harga kawalan ayam juga menyokong kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan. Di samping itu, melalui kaedah ini Kerajaan akan turut dapat meningkatkan pelbagai inisiatif sosio-ekonomi dan kebajikan rakyat termasuk bantuan tunai.

Penamatan subsidi ayam ini telah mengambil kira situasi dan trend semasa bekalan serta harga ladang dan kos pengeluaran ayam telah mula stabil, yang menyumbang kepada harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling. Dalam hal ini, Kerajaan akan **memastikan** harga jualan bagi ayam yang akan diapungkan terus berada pada **kadar yang munasabah.**

Kerajaan **meluaskan akses kepada bekalan ayam melalui Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah secara berterusan** di seluruh negara bagi memberikan pilihan dan jaminan kepada rakyat untuk mendapatkan **bekalan ayam pada harga yang berpatutan dan di bawah harga siling semasa.**

Di samping itu, melalui sesi libat urus bersama pemain industri pada 22 Oktober 2023, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada pihak industri supaya harga ayam di ladang yang dikeluarkan tidak mencatatkan kenaikan yang ketara sehingga membebaskan pengguna.

Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) bagi memastikan tiada aktiviti pengambilan untung secara berlebihan dan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak bertanggung jawab di peringkat runcit.

Kerajaan juga bersedia untuk **mendapatkan bekalan tambahan daripada sumber luar, jika terdapat kekurangan** daripada segi bekalan yang menyebabkan kenaikan harga secara mendadak. Selain itu, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pihak bagi memastikan status bekalan dan harga ayam di ladang berada dalam keadaan stabil dan tidak membebankan rakyat, serta tidak berlaku sebarang aktiviti pencatutan di sepanjang rantai bekalan.

Kerajaan akan terus memberi penumpuan untuk memperkasa industri penternakan ayam melalui bantuan insentif daripada segi pembiayaan dana pusingan kepada penternak bersaiz kecil & sederhana dan skim mikro kredit sebagai bantuan modal pusingan kepada penternak komuniti serta program transformasi reban ayam terbuka kepada reban ayam tertutup. Langkah ini akan memberi **peningkatan daripada segi akses bekalan secara terus daripada penternak komuniti kepada pemborong-pemborong** di pasaran.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
30 OKTOBER 2023

LAMPIRAN 1

Jualan Agro MADANI (1 hingga 14 November 2023, Jam 8.00 hingga 11.00 pagi)

BIL	NEGERI	AGENSI		JUMLAH
1.	Perlis	FAMA	4	18
		LPP	3	
		LKIM	11	
2.	Kedah	FAMA	4	11
		LPP	-	
		LKIM	7	
3.	Pulau Pinang	FAMA	4	29
		LPP	1	
		LKIM	24	
4.	Perak	FAMA	5	21
		LPP	5	
		LKIM	11	
5.	Selangor	FAMA	6	19
		LPP	4	
		LKIM	9	
6.	WP Kuala Lumpur	FAMA	6	6
		LPP	-	
		LKIM	-	
7.	Negeri Sembilan	FAMA	5	16
		LPP	-	
		LKIM	11	
8.	Melaka	FAMA	4	11
		LPP	5	
		LKIM	2	
9.	Johor	FAMA	5	20
		LPP	5	
		LKIM	10	
10.	Pahang	FAMA	5	41
		LPP	2	
		LKIM	34	
11.	Terengganu	FAMA	4	39
		LPP	6	
		LKIM	29	
12.	Kelantan	FAMA	4	4
		LPP	-	
		LKIM	-	
13.	Sabah	FAMA	4	14
		LPP	-	
		LKIM	10	
14.	Sarawak	FAMA	4	19
		LPP	-	
		LKIM	15	
15.	Labuan	FAMA	-	9
		LPP	-	
		LKIM	9	
JUMLAH KESELURUHAN				277

LAMPIRAN 2**Program Jualan RAHMAH bagi bulan November sehingga Disember 2023**

BIL.	NEGERI	BILANGAN LOKASI/JUMLAH	
		NOVEMBER	DISEMBER
1.	Perlis	45	45
2.	Kedah	128	128
3.	Pulau Pinang	80	80
4.	Perak	118	118
5.	Selangor	120	120
6.	Negeri Sembilan	144	144
7.	Melaka	56	56
8.	Johor	191	191
9.	Pahang	84	84
10.	Terengganu	448	448
11.	Kelantan	146	146
12.	Sabah	73	73
13.	Sarawak	124	124
14.	W.P. Kuala Lumpur	11	11
15.	W.P. Putrajaya	6	6
16.	W.P. Labuan	8	8
JUMLAH		1,782	1,782
JUMLAH KESELURUHAN			3,564